



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: 'Pegawai LHDN' tipu doktor RM287,360
Publication/Portal: Kosmo
Date: 23 March 2021

Language: Bahasa Malaysia
Section: Negara
Page: 11

Lelaki diperdaya sindiket Macau Scam berkait tunggakan cukai, ubah wang haram

'Pegawai LHDN' tipu doktor RM287,360

Oleh NOR AINNA HAMZAH

SEREMBAN – Seorang doktor lelaki terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM287,360 susulan ditipu sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Abd. Ghani berkata, mangsa berusia 25 tahun bertugas di salah sebuah hospital di daerah ini telah tampil membuat laporan polis di Balai Polis Jalan Campbell, di sini kelmarin.

Menurutnya, pada 6 Februari lalu, mangsa yang berada di tempat kerja telah menerima panggilan daripada suspek yang mengaku sebagai pegawai LHDN dan dikatakan mempunyai cukai tertunggak berjumlah RM38,000.

"Talian berkenaan kemudiannya telah disambungkan ke IPK



AIBEE

Pahang dan mangsa kemudiannya dimaklumkan terlibat dalam urusan pengubahan wang haram dan juga dadah.

"Mangsa telah diminta untuk melapor diri dan terus berhubung melalui aplikasi WhatsApp dengan pemanggil," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Aibee berkata, pada 8 Februari lalu, mangsa sekali lagi menerima panggilan dan di-



POLIS kerap melakukan hebahan mengenai penipuan Macau Scam, namun mangsa tetap terpedaya dengan helah sindiket. – GAMBAR HIASAN

maklumkan akan dibantu untuk menyelesaikan semua kes tersebut dan suspek telah memberi mangsa satu nombor telefon bagi tujuan itu.

Menurutnya, pada 10 Februari, mangsa telah diminta menyerahkan semua maklumat perbankan internet kepada suspek selain turut diminta memuat

turun aplikasi Bank Negara melalui link diberi oleh suspek untuk mempermudah urusan pengadu.

"Suspek juga telah meminta pengadu membuat pinjaman peribadi dan pengadu telah memohon pinjaman peribadi berjumlah RM200,000.

"Pada 9 Mac lalu, mangsa telah menerima penyata bank Standard Chartered dan mendapati ada banyak transaksi pindahan wang daripada akaun mangsa berjumlah RM94,560 kepada beberapa akaun lain atas nama individu yang tidak dikenalnya," katanya.

Menurut beliau, mangsa kemudiannya telah membuat semakan akaun Bank Rakyat dan mendapati turut berlaku transaksi berjumlah RM192,800 ke beberapa akaun lain.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.